



## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	KeTSA/PERHILITAN			

## Mengenang nasib zoo



DUNIA BAHARU

DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

12 tahun nan silam. Ada anak jiran saya yang baru berumur 10 tahun telah memiliki zoo sendiri. Perniagaan zoo itu cukup maju sehinggakan pada usia semula itu, dia telah berstatus punya wang.

Tetapi tidak ramai orang tahu. Hanya emak, bapa dan adiknya sahaja. Saya dapat tahu pun secara kebetulan dan saya bernasib baik kerana dia sudi membawa saya melawat zoo tersebut. Memang mengagumkan. Sebuah zoo besar yang di dalamnya terdapat pelbagai jenis haiwan.

Hebat anak kecil itu. Dia menunjukkan kepada saya cara menjaga haiwan-haiwan tersebut. Makanan apa yang patut diberi, kandang bagaimana yang sesuai, apa yang perlu dibuat untuk mengembirakan haiwan-haiwan tersebut dan pelbagai lagi.

Saya, semasa berumur sebaya dengannya masih tidak berapa arif tentang kehidupan haiwan. Setakat lembu, kucing dan ayam itik, tahulah serba sedikit. Itu sahajalah yang ada di Sungai Besar. Mana ada harimau, gajah, singa, zirafah dan sebagainya.

Macam kebanyakan budak-budak lain, saya sukakan binatang, lebih-lebih lagi binatang liar. Disebabkan itu, impian besar saya pada waktu itu adalah melawat Zoo Negara. Impian itu lebih membuak-buak apabila ada kawan sekolah yang pernah berkunjung ke situ bercerita tentang seronoknya menaiki tren mengelilingi kawasan zoo.


Kian meronta-rontalah hati saya hendak ke sana. Semakin tidak sabar rasanya hendak menaiki tren itu!

Pada zaman kanak-kanak saya, pihak sekolah-sekolah di seluruh negara sering menganjurkan lawatan ke Kuala Lumpur dan Zoo Negara sentiasa berada dalam senarai tempat wajib dilawati.

Selalunya sebulan dua sebelum tiba tarikh lawatan, bakal peserta rombongan sudah mula sibuk bercerita mengenainya. Begitu jugalah selepas balik, tiga empat bulan berikutnya cerita tentang lawatan itu akan diluang-ulang.

Bagaimanapun, pengalaman saya melawat ke Zoo Negara bukanlah dengan rombongan sekolah, sebaliknya bersama ahli keluarga. Ia satu pengalaman yang sangat menarik Bermula dari kandang-kandang di bahagian 'primate' hinggalah ke kandang gajah di hujung sebelah sana, semuanya kami lawati.

Masih teringat geli dan ngeri apabila melihat pelbagai ular di reptiles house. Masih terbayang nvmamanya suasana dalam kegelapan di Akuarium Tunku Abdul Rahman. Masih terlintas-lintas di



Zoo Negara masih setia menanti pengunjung. Boleh kita bayangkan bagaimana hibanya apabila dua tahun kebelakangan ini pengunjungnya kian 'hilang' berpunca daripada PKP yang disebabkan oleh pandemik Covid-19.

ingatan keseronokan menaiki tren yang agak laju sehingga tidak sempat melihat haiwan apa di kiri dan kanan.

Tetapi kenangan yang paling manis adalah ketika makan ayam goreng di restoran makanan segera di tasik yang terdapat di zoo itu. Tiga ketul habis licin, bos!

### Sumbangan

Zoo Negara yang terletak di kawasan seluas 110 hektar itu mengandungi kira-kira 5,137 spesimen daripada 476 spesies mamalia, burung, reptilia, amfibia dan ikan. Ia tidaklah sebesar Zoo Sri Venkateswara di Andhra Pradesh, India yang merupakan zoo paling besar di dunia dengan keluasan meliputi kawasan 5,532 ekar atau 22.39 km persegi.

Jumlah haiwan di Zoo Negara juga tidaklah sebanyak di Berlin Zoological Garden, Jerman yang mempunyai 1,500 spesies dan 19,500 spesimen. Namun, jasa dan sumbangannya tetap sama hebat dengan kedua-dua zoo tersebut dan zoo-zoo lain.

Saya percaya ramai yang bersetuju jika dikatakan Zoo Negara yang diasmikan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kira-kira 58 tahun dahulu bukan sahaja memberikan sedikit sebanyak pengetahuan dan kefahaman kepada pengunjung mengenai haiwan serta habitatnya tetapi juga memupuk kecintaan kita terhadap makhluk-makhluk ALLAH itu, yang setiap satu ada keunikannya tersendiri.

Sejak kewujudannya, tidak terhitung jumlah pengunjung dari dalam dan luar negara. Telah berjuta mereka yang menjunjunginya sewaktu masih kanak-kanak dan kini telah menjadi orang dewasa, malah sebahagiannya telah menjadi orang tua. Yang telah tidak ber-

Sejak kewujudannya, tidak terhitung jumlah pengunjung dari dalam dan luar negara. Telah berjuta mereka yang menjunjunginya sewaktu masih kanak-kanak dan kini telah menjadi orang dewasa, malah sebahagiannya telah menjadi orang tua. Yang telah tidak bersama kita pun tentu ramai. Mungkin berjuta-juta juga.

Dan Zoo Negara masih di situ. Setia menanti pengunjung. Boleh kita bayangkan bagaimana hibanya apabila dua tahun kebelakangan ini pengunjungnya kian 'hilang' berpunca daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh pandemik Covid-19.

Haiwan-haiwan di zoo itu mungkin tertanya-tanya apa salah mereka sehinggakan secara tiba-tiba peratus kunjungan jatah merudum.

Pada 15 Ogos lalu, media melaporkan kumpulan penguji di Zoo Chonburi, Thailand mengalami kemurungan kerana 'rindukan' pengunjung.

Pakar penguji, Tossapol Kosol berkata, penguji-penguji itu yang sudah biasa melihat orang ramai setiap kali ia keluar untuk memasuki kandang pameran kini terpinga-pinga dan berhenti melihat keadaan sekeliling yang kosong.

Boleh dikatakan sumber perolehan semua zoo bergantung pada jualan tiket di pintu masuk atau tiket acara-acara yang diadakan, selain sumbangan pelbagai pihak. Apabila kurang pengunjung, bermakna kurang jualan kutipan. Akibatnya, pihak pengurusan berdepan masalah untuk menampung kos makanan, penjagaan dan penyelenggaraan haiwan-haiwan di zoo berkenaan.

Beberapa bulan lalu, saya terbaca satu laporan media yang menyebut Zoo Negara memerlukan RM1 juta sebulan bagi menampung pelbagai kos. Dalam keadaan biasa, yakni sebelum adanya PKP, jumlah itu mungkin dapat diperolehi tetapi dalam keadaan PKP, apatah lagi PKPD, ia akan menjadi sangat sukar dan mencabar.

### Pendapatan

Laporan itu turut menyebut bahawa pada Jun tahun lalu, Zoo Negara merekodkan pendapatan sebanyak RM450,000, Julai (RM1 juta), Ogos (RM1.3 juta) dan September sebanyak RM850,000. Namun pada Oktober, ia hanya memperoleh RM150,000. Terlalu jauh dari angka yang sepatutnya.

Tanpa pandemik sekalipun, zoo terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran lain demi meneruskan kelangsungannya. Paling ketara adalah tekanan daripada kumpulan pencinta haiwan yang kian lantang mendesak supaya semua zoo ditutup dan haiwan-haiwan di dalamnya dilepaskan kembali ke habitat asal. Sekarang, desakan itu kedengaran di mana-mana, semakin lantang dari masa ke masa.

Cabaran kedua, kian berkurangnya minat anak-anak masa kini terhadap hidupan liar dan alam semula jadi. Kalau berminat pun, ia tidaklah sampai ke peringkat mereleg-releg mengajak emak ayah ke zoo macam zaman saya dahulu.

Budak-budak sekarang lebih suka melawat zoo secara virtual dari dalam rumah. Tak perlu berpanas dan berpeluh. Tak perlu berpantas kaki. Hanya duduk bersama satu cup besar minuman yang manisnya boleh menyebabkan kaki dipotong dan setimbun dua jajan di atas meja. Kemudian klik lah. Usahkan zoo, safari pun boleh dikunjungi.

Generasi yang melakukan segala-galanya – melawat, melancong, berniaga, membeli belah, mencari jodoh dan sebagainya – dan dalam bilik sedang bercambah dengan suburnya. Macam anak jiran saya itu, dia menjelankan perniagaan zoo dari dalam bilik studinya sahaja. Modalnya hanya perisian game Zoo Tycoon yang bapanya must turun secara harimau daripada laman sesawang apa ke entas. Si bapa pun satu, anak itu masih kecil, sudah diajar mencuri karya intelek orang! #dusih!

\*Dr. Budiman Mohd Zohdi ialah sarjana saka politik, yang gemar menulis nasehat

